

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)

TARIKH : 15 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) mengapa PDRM mengeluarkan saman kepada pengguna kenderaan bukan komersil yang membawa barangan bukan untuk komersil dengan anggapan itu barangan berunsur perniagaan; dan

(b) apakah garis panduan bagi budi bicara PDRM semasa membuat anggapan sesuatu barangan yang dibawa tersebut harus dikategorikan sebagai berunsur perniagaan dan bukan kegunaan peribadi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Alor Setar serta Dewan Yang Mulia ini, menggunakan sesuatu lesen kenderaan motor untuk tujuan selain dari yang dinyatakan oleh lesen tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 23 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Pihak polis berhak untuk mengeluarkan saman untuk kesalahan ini seperti yang dinyatakan dalam seksyen 53 Akta yang sama. Dalam perkara ini, adalah menjadi satu kesalahan sekiranya lesen kenderaan motor persendirian digunakan untuk membawa barangan dagangan.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan mengeluarkan saman ke atas kenderaan persendirian sekiranya membawa barangan untuk kegunaan persendirian. Saman yang dikeluarkan ke atas kenderaan persendirian yang membawa barangan yang dianggap untuk komersil adalah setelah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Kuantiti dan jenis barangan yang tidak munasabah untuk kegunaan persendirian berdasarkan invois yang dikemukakan;
- ii. Pemilik kenderaan persendirian mempunyai lesen perniagaan yang didaftarkan atau mempunyai premis perniagaan; dan
- iii. Pemilik kenderaan persendirian mempunyai syarikat yang didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan jenis perniagaan yang didaftarkan.